KEPERLUAN DANA ASEAN ATASI JEREBU

MOHD. MAHZAN AWANG

SAMAN tahun, jerebu menjadi masalah utama dalam kalangan negara anggota ASEAN termasuklah Malaysia. Masalah ini telah memberi kesan negatif kepada keselamatan dan kesihatan rakyat. Akibatnya, aktiviti-aktiviti luar terpaksa dihadkan sekali gus menjejaskan kegiatan kokurikulum di sekolah sekolah dan pada masa sama menyekatkan operasi pengangkutan.

Jerebu pada Jun 2013 dan awal 2014 telah memulau kos yang tinggi untuk operasi memadam kebakaran serta pemulihan semula kemusnahan. Merujuk kepada isu jerebu yang melanda negara pada 2013 dan 2014, Bruno Vander Velde dari Pusat Penyelidikan Perhutanan Antarabangsa (CIFOR) melaporkan bahawa terdapat empat punca kebakaran kawasan perhutanan dan ladang.

Pertama, terdapat aktiviti pembakaran secara sengaja untuk pihak tertentu bagi mengosongkan tanah bagi tujuan pertanian berskala besar.

Kedua, jerebu terjadi kerana masyarakat tani melakukan aktiviti pembakaran untuk pertanian kerana ia adalah kaedah paling cepat, murah, mudah dan membuka ruang kepada mereka untuk mendapatkan ruang tanah bagi pertanian.

Ini bermaksudah aktiviti mengosongkan tanah dengan cara membakar sisa dan tinggalan tanaman lama untuk kegunaan penanaman semula. Pembakaran adalah satu kaedah tani tradisional yang mudah ketara tanah kering lebih cepat dikosongkan serta dipercayai dapat menyuburkan tanah pertanian.

Asas dasar pembakaran hutan-hutan dalam hak milik penggunaan tanah. Wujud pertelingkahan dalam kalangan ahli komuniti dalam hal ini.

Penelitian kepada kesepuluh-empat punca ini menunjukkan bahawa punca sebenar kebakaran adalah faktor manusia itu sendiri. Wujud isu sosial yang besar untuk ditangani. Ia bukan sekadar isu berkaitan perubahan cuaca dan iklim tetapi lebih bersifat survival dan konflik kehidupan dalam masyarakat. Interaksi antara manusia dengan manusia serta manusia dengan alam sekitar demi kelangsungan menjadi tumpuan utama dalam kes kebakaran tahun 2013 dan 2014.

Pada tahun ini juga laporan menunjukkan bahawa jerebu berpunca daripada kebakaran yang berasaskan kepada faktor manusia dan aktiviti survival mereka. Keadaan ini memberi mesej yang jelas bahawa satu tindakan yang lebih berstruktur, terancang dan berasaskan kajian empirikal amat perlu.

Memahami masyarakat yang hidup di kawasan pertanian memerlukan satu penelitian konkrit dan realiti. Ia bukan sekadar menyalahkan penyelesaian secara langsung menerusi formula satu semata-mata tetapi memerlukan satu penyelidikan holistik untuk memahami kehidupan manusia dan survival masyarakat tani yang kompleks.

Kesungguhan undang-undang Indonesia berkaitan pembakaran terbuka telah termaktub dengan jelas, para petaninya masih memilih kaedah mendirikan rumah ia lebih cepat, pantas murah dan mudah. Malah, semua negara anggota mempertahankan pendapatan alam sekitar yang jelas.

Menerusi perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan / The ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution yang telah ditandatangani oleh 10 negara anggota ASEAN, sejumlah dana telah diadakan untuk aktiviti pemantauan pertanian mesra alam bagi mengurangkan risiko kebakaran.

Singapura telah bekerjasama dengan penduduk di wilayah Jambi pada tahun 2013 untuk tujuan tersebut. Pemantauan dana itu adalah bukti usahasama negara anggota ASEAN dalam menangani masalah jerebu, namun berulangnya masalah jerebu sehingga ke hari ini membuktikan bahawa strategi dan kaedah yang digunakan adalah tidak berkesan.

Maka, negara ASEAN perlu mencari satu mekanisme yang lebih saintifik bagi mengatasi masalah jerebu secara efektif. Untuk tujuan itu, tiada pilihan lain melainkan dengan mengadakan penyelidikan yang saintifik. Satu penyelesaian yang lebih efektif dan penyelidikan saintifik untuk pemadaman pertanian amat perlu.

Negara ASEAN perlu memastikan peruntukan dan dana untuk penyelidikan alat dapat kesalahan tersebut. Tindakan para dalam kendalian ekonomi di tahun ini yang tidak semestinya usaha pemulihan bencana ini perlu diselaraskan secara berkesan dan berterusan.

Memandangkan masalah jerebu mempunyai hubungan rapat antara persoalan budaya masyarakat tani dengan keperluan teknologi yang setimpal dengan situasi ekonomi semasa, penyelidikan sinergi yang menggabungkan pakar-pakar dalam sosio-budaya masyarakat desa bersama-sama dengan pakar-pakar sains teknologi dan alam sekitar amat diperlukan.

Kita yakin bahawa satu penyelesaian yang lebih konkrit akan dihasilkan menerusi penyelidikan saintifik. Bekerjasama dengan pakar bersama alam dari negara yang kena-dilanda bencana bersama members dimensi dalam usaha penyelesaian masalah sehingga ke akar umbi.

Pastinya suatu fokus penyelidikan tidak sekadar kepada masalah jerebu malah ia meliputi berkait rapat dengan kelestarian alam di rantau ini. Kita tidak mahu masalah jerebu ini berulang. Interaksi kebiasaan dan kelestarian yang tidak sihat di rantau ini. Kesungguhan kerajaan sebelum bagi akan mempelbolehkan lagi tidak dipercayai semua negara ASEAN yang membawa kesan langsung kepada rakyat, keselamatan dan kesihatan bersama.

PEMANDANGAN waktur bandar raya Kuala Lumpur dalam keadaan berjerebu dengan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang berada dalam kategori tidak sihat, kelmarin. – UTUSAN/RUSHDI SALLEH

DR. MOHD. MAHZAN AWANG ialah Pensyarah kanan di Jabatan Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.